

**NO SOALAN: 19**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI  
MOHAMAD (LIPIS)**

**TARIKH : 11.06.2014 (RABU)**

**DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD (LIPIS)** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan bentuk insentif yang akan diberikan oleh Kerajaan terhadap peniaga atau kedai yang menawarkan harga barang berpatutan sebagai Kedai Harga Patut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, tujuan Anugerah Kedai Harga Patut (AKHP) ialah untuk mengiktiraf premis perniagaan yang menawarkan barang pada harga yang berpatutan, kompetitif dan berkualiti kepada pengguna. Harga patut tidak semestinya membawa makna harga termurah tetapi merujuk kepada harga yang munasabah mengikut harga pasaran atau lebih murah dari harga pasaran atau tidak mempunyai jurang yang terlalu besar dengan harga pasaran.

Pada masa ini setiap premis yang diiktiraf sebagai Kedai Harga Patut diberi penghargaan berbentuk plak, *bunting* dan sijil. Selain itu, senarai penerima AKHP juga akan dibuku dan diedarkan secara meluas ke semua Kementerian dan pusat-pusat pelancongan bagi mempromosikan premis-premis ini samada kepada pelancong tempatan maupun pelancong asing. Penganugerahan ini secara tidak langsung juga merupakan satu bentuk promosi yang berkesan kepada penerima-penerima anugerah.

Untuk makluman Yang Berhormat Jua, pada masa ini Kerajaan belum lagi bercadang menyediakan sebarang bentuk insentif kepada peniaga yang menawarkan harga patut.